

JENIS-JENIS TADLIS TERHADAP AL-QURAN

Mohamad Redha Bin Mohamad
mohamadredha@kuis.edu.my
Muhammad Zaid Bin Shamshul Kamar
muhhammadzaid@kuis.edu.my
‘Uqbah Bin Amer
uqbah@kuis.edu.my

Fakulti Pengajian Peradaban Islam
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

ABSTRAK

Al-Quran merupakan sebuah kitab suci yang sentiasa dibaca oleh umat Islam. Al-Quran telah dijamin Allah s.w.t. akan terpelihara dari sebarang perubahan hingga ke hari kiamat. Antara perkara yang menjamin kesahihan al-Quran adalah kesinambungan sanad yang sampai kepada Rasulullah s.a.w. Ia berlaku melalui kaedah talaqqi dan musyafahah dari satu generasi ke satu generasi. Sanad yang lebih hampir kepada Baginda adalah lebih terjamin kesahihan bacaannya. Walaupun begitu, kecenderungan dan semangat mencari sanad yang lebih tinggi menyebabkan berlaku penipuan dalam rangkaian sanad al-Quran. Hal ini dinamakan tadlis terhadap sanad al-Quran. Kertas kerja ini membincangkan jenis-jenis tadlis yang berlaku terhadap al-Quran. Antaranya ialah tadlis al-isnad dan tadlis asy-syuyukh. Tadlis merupakan satu penipuan terhadap kitab suci al-Quran yang tidak sepatutnya dilakukan terutamanya dalam kalangan para qari. Terdapat perbezaan antara tadlis terhadap al-Quran dengan tadlis terhadap hadis. Metod kajian dilakukan secara kualitatif manakala pengumpulan data dijalankan menerusi kaedah kepustakaan dan pemerhatian. Hasil kajian mendapati tadlis al-Quran adalah perbuatan yang tidak berintegriti dan perlu dicegah agar tidak berleluasa pada masa kini. Kertas kerja ini dapat memberi sumbangan dalam aspek kajian terhadap penipuan-penipuan berkaitan kitab suci al-Quran.

Kata kunci: Tadlis, Penipuan, Sanad, Talaqqi, Musyafahah

1.0 Pendahuluan

Islam adalah satu cara hidup yang lengkap. Ia mencakupi setiap perkara yang hadir dalam kehidupan seharian manusia. Allah s.w.t. menurunkan al-Quran sebagai panduan utama untuk umat manusia di samping mengutuskan Nabi Muhammad s.a.w. untuk dicontohi dan diteladani. Rasulullah s.a.w. telah menyatakan bahawa individu yang berpegang teguh dengan al-Quran dan as-Sunnah pasti tidak akan tersesat sehingga ke hari kiamat. Ini membuktikan betapa pentingnya al-Quran dalam membentuk dan membimbing umat manusia ke jalan yang lurus. Sabda Nabi Muhammad s.a.w.:

تركت فيكم أمرين لن تضلوا ما تمسكتم بهما: كتاب الله وسنة نبيه صلى الله عليه وسلم

Maksudnya: “Aku tinggalkan kepada kamu semua dua perkara, tidak akan sesat selamanya apa yang berpegang kepada kedua itu, iaitu al-quran dan sunnah nabi.”

Allah telah berfirman bahawa al-Quran akan terjaga dengan baik dan tidak akan dapat diubah oleh sesiapa pun. Sebagaimana firman Allah s.w.t. di dalam surah al-hijr ayat 9:

إِنَّا نَحْنُ نَزَّلْنَا الذِّكْرَ وَإِنَّا لَهُ لَحَافِظُونَ ۙ

Yang bermaksud: “*Sesungguhnya Kamilah yang menurunkan al-Quran dan Kamilah yang memelihara dan menjaganya.*”

Surah nabawiyah juga merakamkan tiada seorang pun orang kafir yang mampu dan berjaya mengubah ayat al-Quran walaupun pada ketika itu umat Arab sedang berada di zaman kegemilangan bahasa mereka. Hal ini bertepatan dengan firman Allah s.w.t. di dalam surah al-an’am ayat 115:

وَتَمَّتْ كَلِمَتُ رَبِّكَ صِدْقًا ۙ وَعَدْلًا ۙ أَلَا مُبَدَّلَ لِكَلِمَتِهِ ۗ وَهُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ ۙ ۱۱۵

Yang bermaksud: “*Dan telah sempurnalah kalimah Tuhanmu (al-Quran, meliputi hukum-hukum dan janji-janjiNya) dengan benar dan adil; tiada sesiapa yang dapat mengubah sesuatupun dari kalimah-kalimahNya dan Dialah yang sentiasa mendengar, lagi sentiasa mengetahui.*”

2.0 Bagaimana al-Quran Diwarisi

Al-Quran adalah kitab suci umat Islam yang disampaikan oleh Jibril a.s. kepada Nabi Muhammad s.a.w. Kemudiannya, baginda menyampaikan kalimah-kalimah wahyu yang telah diterima kepada para sahabat yang juga merupakan huffaz dan penulis-penulis wahyu. Kaedah yang digunakan dalam penyampaian al-Quran adalah secara *talaqqi* dan *musyafahah* yang masih digunapakai turun temurun sehinggalah ke zaman sekarang.

Kaedah *talaqqi musyafahah* adalah kaedah pembelajaran atau penerimaan al-Quran dari mulut ke mulut atau secara berguru. Kaedah ini terbukti sangat berkesan kerana guru dapat menunjukkan cara sebutan huruf dengan tepat dan sah kepada para pelajar.

Talaqqi adalah berasal dari kalimah Bahasa Arab iaitu *Talaqqa-Yatalaqqqa-Talaqqiyan*. Dari segi bahasa, ia bermaksud pertemuan secara berhadapan atau bersemuka. Manakala dari segi istilah bermaksud pertemuan antara guru dan pelajar secara bersemuka. Mudahnya, guru akan memberi contoh bacaan al-Quran dan pelajar akan mengikutnya.

Musyafahah menurut bahasa adalah sebutan dari mulut ke mulut yang diambil daripada pergerakan dua bibir. Manakala menurut istilah, ia bermaksud pelajar menerima pengajaran secara sebutan guru dengan melihat pergerakan bibir guru dan menyebutnya.

Secara kesimpulan, *talaqqi musyafahah* adalah satu kaedah pembelajaran secara pertemuan bersemuka antara guru dan pelajar di dalam satu majlis pada satu masa tertentu di mana pelajar menerima pengajaran dengan melihat pergerakan bibir guru dan mengikut bacaan guru, atau guru mendengar bacaan pelajar dan membetulkan kesalahan mereka. Pembacaan al-Quran secara *talaqqi musyafahah* yang bersambung sanadnya sampai kepada Rasulullah s.a.w. adalah sangat dituntut.

3.0 Konsep Sanad

Sanad berasal dari perkataan سَنَدٌ yang bermaksud berteleku, bersandar dan menyandarkan. Manakala سَنَدٌ pula bermaksud sandaran. Istilah sanad dalam ilmu *qiraat* adalah satu disiplin ilmu yang mengetahui sebutan kalimah-kalimah al-Quran serta cara-cara melakukan sebutan sama ada sesuatu yang disepakati atau diperselisihkan oleh para imam *qiraat* serta dikembalikan setiap bentuk bacaan kepada penyampainya. Sanad diistilahkan sebagai rangkaian *muqri'* daripada *muqri'* sehingga sampai kepada Rasulullah s.a.w.

Sanad merupakan keistimewaan yang eksklusif umat Islam sebagaimana Abdullah Ibn Mubarak menegaskan bahawa, “*al-isnad (sanad-sanad) itu adalah sebahagian daripada agama, kalau ia tiada, nescaya sesiapa sahaja akan berkata apa sahaja yang dia suka.*” “*Sanad itu senjata mukmin. Jika seseorang tidak memiliki senjata, maka dengan apakah dia ingin berperang?*”

Teori di atas dijadikan asas dalam penyampaian dan penerimaan ilmu agama bagi menjamin dan memastikan kesahihan ilmu dan maklumat. Oleh itu, pengambilan sanad amat dititikberatkan dan perlu diberikan perhatian untuk menggalakkan umat Islam ke arah berusaha mendapatkan ilmu yang sahih dan meninggalkan sebarang keraguan. Sebagaimana sabda Rasulullah s.a.w.:

دع ما يريك إلى ما لا يريك

Yang bermaksud: “*Tinggalkanlah apa-apa yang meragukan kamu, berpindahlah kepada apa yang tidak meragukan kamu.*”

4.0 Dalil-dalil Berkaitan Sanad

لَا تُحْرِكْ بِهِ لِسَانَكَ لِتَعْجَلَ بِهِ ۚ ١٦ إِنَّ عَلَيْنَا جَمْعَهُ وَقُرْآنَهُ ۗ ١٧ فَإِذَا قَرَأْتَهُ فَاتَّبِعْ قُرْآنَهُ ۗ ١٨

Yang bermaksud: “*Janganlah engkau (wahai Muhammad) kerana hendakkan cepat menghafaz Quran yang diturunkan kepadamu menggerakkan lidahmu membacanya (sebelum selesai dibacakan kepadamu). Sesungguhnya Kamilah yang berkuasa mengumpulkan Al-Quran itu (dalam dadamu) dan menetapkan bacaannya (pada lidahmu). Oleh itu, apabila Kami telah menyempurnakan bacaannya (kepadamu, dengan perantaraan Jibril), maka bacalah menurut bacaannya itu.*”

عن أنس رضي الله عنه قال: قال النبي صلى الله عليه وسلم لأبي إن الله أمرني أن أقرأ عليك القرآن، قال أبي أالله سمانى لك، قال الله سماك لي، فجعل أبي يبكي.

Yang bermaksud: “*Daripada Anas bin Malik, bahawasanya Rasulullah s.a.w. telah berkata kepada Ubai: Sesungguhnya Allah menyuruhku membacakan al-Quran kepadamu, Ubai*

berkata: Adakah Allah memilihku dan menyebut namaku disisimu?, jawab Nabi: Allah telah memilih dan menamakan kamu disisiku. Maka Ubai pon menangis.”

قال النبي صلى الله عليه وسلم: خذوا القرآن من أربعة، من عبد الله ابن مسعود وسالم ومعاذ بن جبل وأبي بن كعب.

Yang bermaksud: “*Sabda Nabi s.a.w.: Ambillah (pelajarilah) al-Quran daripada empat orang iaitu Abdullah bin Mas’ud, Salim, Muaz bin Jabal dan Ubai bin Ka’ab.*”

5.0 Mencari Sanad Tertinggi Dan Kesannya

Para pembaca al-Quran sangat dituntut untuk mendapatkan sanad yang lebih tinggi dan hampir kepada Rasulullah s.a.w. Ini adalah kerana sanad yang lebih hampir kepada Rasulullah adalah lebih diyakini kesahihannya. Hal ini diungkapkan sendiri oleh Imam Ahmad:

طَلَبُ الْإِسْنَادِ الْعَالِي سُنَّةٌ عَمَّنْ سَلَفَ

Maksudnya: “*Mencari sanad yang tinggi merupakan sunnah orang terdahulu.*”

Yahya bin Ma’in ketika sakit juga pernah berkata semasa ditanya:

مَا تَشْتَهِي؟ قَالَ: بَيْتٌ خَالِي وَإِسْنَادٌ عَالِي

Maksudnya: “*Apa yang kamu harapkan?. Beliau menjawab: Rumah yang lapang (tidak banyak gangguan atau tidak mempunyai harta benda yang banyak) dan juga sanad yang tinggi.*”

Walaupun begitu, di samping galakan dalam mencari sanad yang lebih tinggi, lahir satu kesan negatif apabila telah menyebabkan berlaku penipuan dalam rangkaian sanad al-Quran. Hal ini dinamakan *tadlis* terhadap al-Quran. Antaranya ialah *tadlis al-isnad* dan *tadlis asy-syuyukh*. *Tadlis* merupakan satu penipuan terhadap kitab suci al-Quran yang tidak sepatutnya dilakukan terutamanya dalam kalangan para qari. Qari yang melakukan *tadlis* akan mengakibatkan dirinya tergolong dalam kalangan yang tidak thiqah, tidak boleh dipercayai dan berdosa.

6.0 Pengertian Tadlis Dan Jenis-jenisnya

Tadlis al-Quran merupakan satu penipuan dan pembohongan terhadap kitab suci al-Quran yang tidak sepatutnya dilakukan terutamanya dalam kalangan para qari dan guru al-Quran. *Tadlis* yang diambil dari perkataan (دلس) dari sudut bahasa bermaksud sembunyi (الخفاء) manakala dari sudut istilah pula bermaksud “*menyembunyikan kecatatan di dalam sanad dan menampakkan zahirnya itu baik*”.

Sebab utama ilmu *tadlis* al-Quran ini dikaji adalah untuk menjaga syarat yang paling penting di dalam penerimaan satu-satu bacaan al-Quran iaitu kesahihan sanad. Sebagaimana yang

semua telah sedia maklum bahawa tiga syarat penerimaan bacaan al-Quran adalah bertepatan dengan bahasa arab, bertepatan dengan resam uthmani dan sanad yang sahih. Maka beberapa ulama' dalam bidang al-Quran telah berusaha untuk menyenaraikan salasilah sanad para syeikh untuk membuktikan kesinambungan sanad yang sampai kepada Rasulullah s.a.w.

Berkata Ibnu al-Jauzi dalam kitabnya *Naqada al-Ilmu wa al-Ulama'*, “*sesungguhnya terdapat sebahagian dari para qari yang mengambil ringan dalam mendakwa dirinya telah menerima bacaan al-Quran dari seorang guru, padahal dia tidak menerimanya. Maka aku mengatakan hal ini adalah tadlis, kerana dia menyangka dirinya telah melakukan perbuatan yang baik dengan meriwayatkan al-Quran, padahal dia lupa hal ini adalah satu penipuan dan ke atasnya dosa orang-orang yang menipu...*”.

Para ulama' telah membahagikan *tadlis* kepada beberapa jenis. Dua jenis *tadlis* yang utama ialah *tadlis al-isnad* dan *tadlis asy-syuyukh*. Antara gambaran *tadlis al-isnad* adalah apabila seorang murid mengambil bacaan daripada seorang guru yang beliau dikenali, kemudian menyandarkan kepada seorang guru lain yang beliau tidak mengambil bacaan daripadanya. Sebagai contoh Isa mengambil bacaan daripada Ibrahim tetapi mendakwa mengambil bacaan daripada Idris. Manakala gambaran *tadlis asy-syuyukh* pula adalah menyifatkan gurunya dengan sifat-sifat yang akan menyebabkan orang lain beranggapan gurunya adalah pemegang sanad yang tinggi. Sebagai contoh dengan memberi nama panggilan, gelaran atau sifat yang tidak dikenali atau masyhur pada guru tersebut agar tidak dikenali atau diketahui. Maka dengan sebab *tadlis* ini, fitnah-fitnah terhadap sanad al-Quran semakin merebak dan membawa kerosakan terhadap para penuntut ilmu al-Quran.

Seburuk-buruk jenis *tadlis* ialah apabila seseorang mendakwa dia telah mengambil bacaan daripada seorang guru yang beliau tidak ambil daripadanya. Para ulama' menyatakan sesungguhnya *tadlis* itu sejenis pembohongan, terutamanya *tadlis* yang dilakukan terhadap al-Quran kerana al-Quran merupakan kitab suci umat ini. Maka seeloknya dan seharusnya kita menghindari diri kita daripada melakukan *tadlis* kerana ia merupakan penipuan yang amat besar dan akan merosakkan kesinambungan sanad al-Quran. Jenis *tadlis* yang paling popular dan banyak berlaku adalah *tadlis al-isnad*.

Adapun di dalam perbincangan hadis nabawiyah bab *tadlis*, satu jenis lagi yang dibincangkan ialah *tadlis al-taswiyah*. *Tadlis al-taswiyah* ialah meriwayatkan sebuah hadis yang ada di dalamnya seorang perawi dhaif di antara dua perawi thiqah, lalu digugurkan perawi yang dhaif agar hadis itu diriwayatkan oleh perawi thiqah daripada perawi thiqah yang lain. *Tadlis al-taswiyah* ini juga berkemungkinan berlaku terhadap al-Quran, tetapi hanya *tadlis al-isnad* dan *tadlis asy-syuyukh* sahaja yang banyak dibincangkan oleh ulama' al-Quran di dalam buku-buku mereka.

7.0 Tokoh Yang Dituduh Melakukan Tadlis Al-Quran

Ilmu berkenaan *tadlis* al-Quran ini masih belum popular di Malaysia. Ini berkemungkinan kerana isunya yang sensitif untuk diperbincangkan dan para guru al-Quran masih dipercayai masyarakat umum. Walaupun begitu, tidak mustahil perkara ini telah berlaku ataupun mungkin akan berlaku di kemudian hari. Oleh itu seharusnya perkara ini dicegah dan dibendung di peringkat awal supaya tidak berleluasa seterusnya menimbulkan masalah yang lebih teruk.

Sebagai contoh, antara tokoh yang dituduh melakukan *tadlis* adalah Imam Abu al-Qasim al-Hazali dan Imam Abu al-Qasim asy-Syarisi. Dua imam ini disebut oleh as-Sayyid Ahmad Abdul Rahim di dalam kitabnya *Fitnah al-Asanid* sebagai tokoh al-Quran yang diragui kesahihan sanadnya.

Beliau telah menukulkan kata-kata dari Imam az-Zahbi bahawa Imam al-Hazali telah menyebutkan nama-nama para gurunya, akan tetapi kebanyakan nama gurunya adalah tidak dikenali atau diketahui. Imam az-Zahbi juga memberitahu terdapat banyak kesalahan dan kesilapan di dalam sanad al-Quran Imam al-Hazali. Imam Ibnu Jazari semasa memberitahu berkaitan Imam al-Hazali juga menyatakan terdapat pada beliau keraguan di dalam sanad-sanadnya dan para qari tidak mengenali nama-nama guru beliau. Begitulah juga *tadlis* yang dilakukan oleh Imam asy-Syarisi.

Walaupun begitu, terdapat ulama' lain yang mengkritik penulisan as-Sayyid Ahmad Abdul Rahim. Sebagai contoh, Hisyam Abdul Bari telah menulis satu kajian panjang yang dinamakan *al-Barra' min at-Tha'an fi Asanid al-Qurra'* untuk mengkritik dan membetulkan kaedah as-Sayyid Ahmad Abdul Rahim dalam bidang *tadlis*. Ini bermakna tidak semestinya tokoh yang dituduh melakukan *tadlis* itu adalah penyeleweng, akan tetapi setiap pertuduhan perlu disertakan dan dibuktikan dengan hujah-hujah yang kukuh dan berasas.

8.0 Kaitan *Tadlis* Dengan Sanad

Penyebaran sanad al-Quran di Malaysia masih berada dalam peringkat awal. Walaubagaimanapun, telah terdapat banyak pusat-pusat pengajian di seluruh Malaysia yang menawarkan sistem pengambilan al-Quran secara bersanad. Hal ini menunjukkan perkembangan positif terhadap bidang al-Quran di Malaysia. Majoriti guru-guru yang menawarkan pengajian al-Quran bersanad adalah lepasan Maahad Qiraat Shoubra di Mesir. Ini berikutan negara Mesir yang sememangnya terkenal sebagai negara yang mengamalkan pengajian bersanad terhadap setiap ilmu termasuk al-Quran, hadis, fiqh, tauhid dan lain-lain.

Malangnya hari ini, ramai yang mendapat sanad al-Quran tanpa memenuhi syarat-syarat yang ketat seperti orang terdahulu. Walaupun bacaan tidak kemas dan kurang menepati tajwid, pelajar-pelajar masih mampu untuk memiliki sanad al-Quran. Ini adalah kerana kurangnya sikap amanah didalam diri guru yang mengijazahkan sanad dengan mudah. Sanad tidak seharusnya diberikan sekiranya murid masih belum mampu untuk membaca al-Quran dengan lancar dan bertajwid.

Kebiasaannya sanad diberikan berserta dengan rekod salasilah yang telah ditulis. Akan tetapi terdapat guru-guru yang mengijazahkan sanad tanpa rekod salasilah dengan alasan telah hilang. Dr. Ashraf Fuad Tal'at menyatakan harus menasabkan sanad guru yang hilang sekiranya salasilah sanad sampai kepada Rasulullah dapat dikesan.

Isu-isu berkaitan sanad mendapat perhatian di sebelah negara Arab kerana terdapat individu yang memalsukan sanad. Hal inilah yang dipanggil *tadlis* apabila wujud sesetengah pihak yang melakukan pembohongan dan penyelewengan sanad. Guru-guru yang mempunyai sanad dipandang tinggi dan dihormati oleh masyarakat. Oleh itu, sesetengah pihak yang tidak bertanggungjawab telah memalsukan sanad dan mendakwa diri mereka mempunyai sanad yang sampai kepada Rasulullah s.a.w. agar disanjung dan dihormati.

Pembongkaran isu *tadlis* ini telah menyebabkan tahap kepercayaan masyarakat berkurang terhadap guru-guru yang mendakwa diri mereka mempunyai sanad. Oleh itu, perkara ini seharusnya dipandang serius oleh pakar-pakar al-Quran setempat. Pakar-pakar al-Quran di Malaysia perlu memainkan peranan supaya amalan *tadlis* ini tidak merebak di negara kita seterusnya menurunkan tahap kepercayaan masyarakat terhadap pengajian al-Quran bersanad.

9.0 Penutup

Secara kesimpulannya, *tadlis* adalah satu perbuatan yang tidak beretika dan melanggar disiplin ilmu yang kemas. Ianya telahpun berlaku dan dibuktikan melalui kitab-kitab karangan ulama' al-Quran yang kebanyakannya dari negara Arab. Seharusnya perkara ini diambil berat dan dicegah sebelum merebak dan menjadi lebih teruk. Di Malaysia, ilmu berkaitan *tadlis* ini masih belum popular. Seiring dengan kesedaran masyarakat di Malaysia dalam pengambilan sanad al-Quran pada masa kini, kajian-kajian berkaitan *tadlis* al-Quran perlu dilakukan secara lebih meluas agar sanad al-Quran yang diambil oleh masyarakat akan terjamin keasliannya serta mengelakkan dari penyelewengan ilmu.

RUJUKAN

- As-Sayyid Ahmad Abdul Rahim (2011). *Fitnah al-Asanid wa al-Ijazati al-Quraniah*. Dar as-Sahabah li at-Turath, Tanta, Mesir.
- Hisyam Abdul Bari (2016). *al-Barra' min at-Tha'an fi Asanid al-Qurra'*. Dar al-'Alamiah li an-Nashr wa at-Tauzi', Iskandariah, Mesir.
- Dr. Abdul Qadir Mustafa. *Al-Wajiz an-Nafis fi Ma'rifah at-Tadlis*.
- Buku Panduan Rasm Uthmani, Kementerian Keselamatan Dalam Negeri (2004). Lembaga Pengawalan dan Pelesenan Pencetakan Al-Quran KDN.
- Abdul Rahman bin Abdul Khaliq (1994). *Kaedah Menghafaz Al-Quran*. Kuala Lumpur: Penerbitan Kintan Sdn. Bhd.
- Khairuddin bin Said & Jamaluddin bin Adam. Corak Tariq Sanad Pengajian Al-Quran Di Negeri Pahang. *Centre of Quranic Research International Journal*.
- Sedek bin Ariffin. Kepentingan Talaqqi Dan Musyafahah Dalam Pembacaan Al-Quran.
- Khairuddin bin Said, Jamaluddin bin Adam. Keaslian Sanad Pengajian Al-Quran: Kelangsungan Tradisi Ilmu Al-Quran.
- Irsyad Al-Hadith Siri Ke-177. Kelebihan Sanad Yang Tinggi. www.muftiwp.gov.my. Dirujuk pada 14 Julai 2018.
- Irsyad Al-Hadith Siri Ke-34. Hadis al-Mudallas. www.muftiwp.gov.my. Dirujuk pada 14 Julai 2018.
- Khairul Anuar Mohamad (2013). Amanah Pemegang Sanad Al-Quran. ww1.utusan.com.my. Dirujuk pada 16 Julai 2018.
- Al-Quran dan Hadis.